



MAJLIS DAERAH SERIAN

Notis Kenyataan Tender

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** yang masih sah dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang beralamat di **Bahagian Serian dan Daerah Kuching** bagi perolehan kerja-kerja seperti berikut:-

| Bil | No. Tender | Tajuk Tender | Pendaftaran Kelas/Kepala/Subkepala) | | Yuran Dokumen Tender (RM) | Tempat Jualan Dokumen Tender |
|-----|---------------------------------|--|--|-----------------------|---------------------------|---|
| | | | UPKJ *Serta Status Bumiputera | CIDB | | |
| 1. | MDS/BKJ/ TD/M(1)/80 /2018 | Menurap Jalan Kampung Tesu Kura, Tebedu, Serian, MD Serian. | Kelas E Kepala III Sub-Kepala 2(b) & Kepala I Sub-Kepala 3 (a) (ii) | Berdaftar dengan CIDB | 120.00 | Bahagian Kewangan (Kaunter No.2) MD Serian |
| 2. | MDS/BKJ/TD /82/2018 | Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Kampung Tebakang Bidayuh, Serian. | Kelas E Kepala IV Sub-Kepala 4 (a) | Berdaftar dengan CIDB | 120.00 | Bahagian Kewangan (Kaunter No.2) MD Serian |


2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (**pada dan selepas 01 Oktober 2018 (Isnin)**) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat yang ditetapkan.
3. Kontraktor mesti mengemukakan deposit tender berjumlah RM _____ - _____ dalam bentuk *Banker's Cheque* atau *Bank Draft* dibuat atas nama "Majlis Daerah Serian" semasa membeli dokumen tender. Deposit tender akan dikembalikan sepenuhnya kepada semua pembida yang gagal setelah penerimaan tender.
4. Kontraktor atau wakil kontraktor hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** serta salinannya yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh **Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** semasa membeli dokumen.
5. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut :-
 - a. Sijil Pendaftaran Perniagaan
 - b. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ, dan
 - c. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

6. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **tarikh tutup, nombor tender serta tajuk tender** dan perlu dimasukkan ke dalam peti Tender beralamat seperti berikut:-

Setiausaha
Majlis Daerah Serian
No.1, Jalan Bunga Tanjung,
94700 Serian, Sarawak.

7. Tarikh tutup bagi tender di atas adalah pada **15 Oktober 2018 (Isnin) jam 12.00 tengahari** dan sebarang dokumen Tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.
8. Tempoh sah laku tender hendaklah 90 hari dari tarikh tutup.
9. Majlis Daerah Serian tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran.



(**CONSTANTINE GERALD DAVID ANAK JONAS**)

Setiausaha,
Majlis Daerah Serian

Tarikh : 28 September 2018